

NAMA : _____

KELAS : _____

Arahan : Tuliskan pilihan jawapan A, B, C atau D pada ruang yang disediakan.

Baca petikan di bawah ini, kemudian jawab soalan-soalan yang berikutnya.

No 34 Jalan 36/48,
Taman Dato Senu,
51000 Kuala Lumpur.
18 Ogos 2018

Ke hadapan nenda Rahmah yang berada di Kota Bharu, semoga sentiasa sihat dan sejahtera.
Nenda yang disayangi,

Cucunda di sini sihat tetapi agak sibuk dengan kelas serta program Bulan Kebangsaan yang akan dijalankan pada bulan Ogos nanti. Selain itu, cucunda juga akan menghadapi peperiksaan tidak lama lagi. Tujuan cucunda menghantar surat ini adalah untuk bertanyakan khabar nenda di sana.

Bagaimanakah keadaan nenda sekarang? Cucunda mendapat berita daripada adinda Aiman bahawa nenda baru keluar dari hospital. Cucunda berharap dan berdoa agar nenda sentiasa sihat seperti sedia kala. Nenda perlulah banyak berehat dan jangan lupa makan ubat. Cucunda di sini sentiasa merindui nenda di sana.

Bersama-sama surat ini cucunda sertakan enam keping foto cucunda bersama dengan kawan-kawan cucunda dalam membuat perancangan untuk program Bulan Kebangsaan di universiti. Semoga bingkisan yang dikirimkan ini dapat mengubati kerinduan nenda terhadap cucunda.

Akhir kata, sampaikanlah salam cucunda kepada ayahanda, bonda, adinda Aiman dan kakanda Siti.

Sekian, semoga berjumpa di lain lembaran. Sambutlah salam kerinduan daripada cucunda yang jauh di mata.

Cucunda,
Suraya

1. Apakah nama nenda dalam petikan ?
 - A Mariam
 - B Jamilah
 - C Fauziah
 - D Rahmah
2. Cucunda tidak dapat menziarahi nenda ketika berada di hospital kerana
 - A bercuti dengan keluarga di tempat yang jauh.
 - B agak sibuk dengan kelas serta program Bulan Kebangsaan dan akan menghadapi peperiksaan.
 - C tiada duit untuk pulang ke kampung.
 - D tiada pengangkutan untuk pulang ke kampung.
3. Apakah tujuan cucunda menghantar surat kepada nenda ?
 - A Untuk mengetahui khabar daripada nenda.
 - B Untuk memberi berita gembira kepada nenda.
 - C Untuk memberi nasihat kepada nenda.
 - D Untuk mengetahui khabar bonda dan ayahanda.
4. Pilih pernyataan yang tidak benar tentang petikan.
 - A Nenda baru keluar dari hospital.
 - B Suraya merupakan cucu kepada Rahmah.
 - C Cucunda sertakan lapan keping foto untuk tatapan nenda.
 - D Cucunda berharap dan berdoa agar nenda sentiasa sihat seperti sediakala.

Baca petikan di bawah ini, kemudian jawab soalan-soalan yang berikutnya.

Aku sejenis organ terpenting dalam tubuh manusia. Aku berwarna putih kekuningan. Aku terletak di dalam kepala manusia dan dilindungi oleh tengkorak yang sangat keras.

Komponenku terdiri daripada rantai otak besar, otak kecil serta saraf tunjang. Beratku hanya 5% daripada keseluruhan berat tubuh manusia. Begitupun, aku mampu menyimpan lebih 15 trilion maklumat dalam tubuhku. Fikirkan, yang mana lebih hebat; aku atau komputer.

Fungsi penciptaanku mudah; untuk berfikir. Aku juga dicipta untuk menyelesaikan masalah kehidupan manusia. Selain itu, aku digunakan untuk menyimpan pelbagai memori sepanjang kehidupan manusia. Malangnya, kebanyakan manusia kurang arif dalam hal ini. Tahukah kalian, manusia biasa hanya menggunakan satu hingga lima peratus daripada kemampuanku? Bayangkan kalau dapat digunakan lebih daripada itu.

Oh ya, sebagai organ tubuh, aku memerlukan makanan. Makananku tidak banyak; oksigen, glukosa dan garam mineral. Kalian tahu, aku paling benci akan arak, dadah dan minuman bergas. Soal mahal dan membazirkan wang, aku tidak kisah. Akan tetapi, bahan tersebut boleh menumpulkan malah memusnahkan kemampuanku untuk menimbang baik buruknya sesuatu perkara.

Sebenarnya, belum ramai lagi manusia yang tahu tentang fungsi otak kanan dan otak kiriku. Kalau hendak tahu, otak kiriku merangsang kecerdasan akademik seperti kecerdasan bahasa dan logik matematik. Otak kananku pula merangsang aktiviti santai seperti muzik dan pergerakan tubuh. Bayangkan jika kedua-dua belah otakku digunakan; manusia akan menjadi lebih cemerlang, tau.

Seperti makhluk lain, aku juga sering dijadikan bahan kiasan. Jika tidak, tidak muncullah simpulan bahasa seperti otak kancil, otak cair dan otak minyak; tanda bijaksana. Akan tetapi, aku juga dijadikan kiasan negatif seperti otak udang, otak kapur dan otak ayam yang menggambarkan kebodohan seseorang.

Sehingga kini pun, sedikit sangat maklumat tentang diriku yang diketahui manusia. Justeru, kuharap lebih banyak kajian tentang diriku dilakukan demi kecemerlangan manusia juga.

1. Apakah fungsi utama otak manusia ?

- A Menyimpan pelbagai memori.
- B Berfikir menyelesaikan masalah.
- C Melakukan tugas harian manusia.
- D Merangsang kecerdasan seseorang.

2. Pernyataan berikut **benar** tentang otak kita.

- A Otak melindungi tengkorak daripada kerosakan.
- B Otak kanan merangsang kecerdasan akademik.
- C Otak bersambung dengan saraf tunjang.
- D Otak kiri merangsang aktiviti santai.

3. Mengapakah otak “tidak gemar” akan arak, dadah mahupun minuman bergas ?

- A Harganya mahal.
- B Merosakkan tubuh badan.
- C Membazirkan wang ringgit.
- D Menyebabkan manusia hilang pertimbangan.

4. Pengarang menyarankan agar perkara-perkara berikut kita lakukan **kecuali**....

- A menggunakan otak untuk berfikir.
- B menjadikan otak sebagai bahan kiasan.
- C melakukan lebih banyak kajian tentang otak.
- D menggunakan kedua-dua belah otak untuk belajar.